

1 November 2024

**SIARAN MEDIA**  
Untuk Hebahan Segera



## **HWC COFFEE, IR MALAYSIA METERAI MOU BANTU KANAK-KANAK KURANG BERKEMAMPUAN DI MALAYSIA**

**CYBERJAYA, 1 Nov 2024** – HWC COFFEE dan Islamic Relief Malaysia (IR Malaysia) hari ini memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi menjayakan sebuah kolaborasi kemanusiaan iaitu Projek “Cup of Hope” yang bermula 1 November 2024 hingga 31 Disember 2025.

MoU tersebut ditandatangani dan disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif HWC COFFEE, Zenda Ng dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah IR Malaysia, Dato’ Sri Syed Saleh Syed Abdul Rahman dalam Majlis Pembukaan Cawangan Baharu HWC dan Pengumuman Pensijilan Halal yang diadakan di D’Pulze Mall, Cyberjaya.

Menurut Zenda, pemeteraian MoU ini membuka peluang yang lebih besar kepada HWC COFFEE untuk menjalankan tanggungjawab sosial korporat mereka dalam membantu golongan rentan terutama kanak-kanak di Malaysia.

“Kami teruja untuk bekerjasama dengan Islamic Relief Malaysia dalam usaha kami memberi semula kepada masyarakat.

“Program CSR bersama kami akan mencerminkan nilai-nilai murni bersama dan menunjukkan komitmen kami untuk membuat perubahan yang bermakna,” katanya.

Tambah Zenda, Projek “Cup of Hope” yang diperkenalkan itu bertujuan untuk mengumpul dana bagi membantu mereka yang memerlukan melalui pelbagai inisiatif seperti *Drip Bag Coffee*, *Coffee Workshop* dan *Direct Donation*.

“Kami menyasarkan kutipan dana sebanyak RM100,000 bagi Projek “Cup of Hope” ini, tambah Zenda.

Sementara itu, Syed Saleh berkata, IR Malaysia berbesar hati dapat menjalin kerjasama strategik bersama HWC COFFEE yang pernah memenangi *HQC Global Brand Award (Halal Excellence Brand 2022/2023)*.

“Kerjasama ini merupakan langkah strategik yang sangat bermakna bagi kami dalam usaha untuk membina masa depan yang lebih baik dan adil buat kanak-kanak di Malaysia.



“Dengan kerjasama ini, dana terkumpul akan disalurkan kepada empat program Islamic Relief Malaysia iaitu *Share The Joy*, *Shopping Raya*, *Special Case Appeal* dan *Cheer To School (CTS)*.

“Seramai 190 kanak-kanak dan 3 keluarga kurang berkemampuan bakal menerima manfaat melalui program-program ini yang akan dilaksanakan bermula awal Januari 2025.

“Kesemua program yang dirancang ini selari dengan beberapa Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) seperti tiada kemiskinan, kesihatan yang baik dan sejahtera, pendidikan berkualiti serta mengurangkan ketidaksamarataan.

“Saya juga berbangga apabila salah satu inisiatif HWC COFFEE iaitu jualan *Drip Bag Coffee* turut menggunakan hasil lukisan pelajar-pelajar Refugee Intellectual Skills and Excellence (RISE), sebuah pusat bimbingan alternatif Islamic Relief Malaysia,” katanya.

Turut hadir dalam majlis pelancaran tersebut ialah Ketua Pegawai Operasi HWC COFFEE, Penny Chan, Ketua Pegawai Pemasaran HWC COFFEE, Edmund Lai, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif IR Malaysia, Siti Fadilah Mohd Hood, Pengurus Kanan Bahagian Penjanaan Dana IR Malaysia, Sharmiza Husin, Presiden ANSARA Malaysia, Ar. Noor Azizee Abd Aziz, serta Ikon Kemanusiaan IR Malaysia, Ahmad Zuhaidi Abdul Aziz (Saujana) dan Chef Imelda Harris.

Orang ramai juga berpeluang untuk menyumbang terus ke IR Malaysia menerusi Projek “Cup of Hope” di laman web; [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my) atau hubungi 03-8926 3434 untuk mendapatkan maklumat lanjut.

- TAMAT -

---

## **Mengenai Islamic Relief**

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu lebih daripada 145 juta orang sejak beroperasi. Skop bantuan Islamic Relief merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

## **Mengenai Islamic Relief Malaysia**

Islamic Relief Malaysia telah beroperasi sejak 2004, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.



Maklumat lanjut mengenai Islamic Relief Malaysia boleh diperoleh di [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my)

### **Mengenai HWC COFFEE**

HWC COFFEE, rangkaian kopi istimewa pertama di Malaysia, telah berkembang dengan pesat dengan hampir 70 cawangan di seluruh negara dalam hanya dua setengah tahun. HWC COFFEE menawarkan pengalaman kopi yang luar biasa dengan siri biji kopi istimewa Classic No. 9, yang telah memperoleh penilaian 91 dan 92 mata dari Coffee Review.

Untuk maklumat lanjut, lawati [www.hwccoffee.my](http://www.hwccoffee.my) atau kunjungi kedai HWC COFFEE berdekatan.

*Dikeluarkan oleh: Komunikasi Strategik, Pejabat KPE Islamic Relief Malaysia.  
Untuk keterangan lanjut, hubungi Sis Zafirah di talian 019-220 1788 atau e-mel ke [Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my](mailto:Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my)*